

Dua negara kaji bina HSR Kuala Lumpur-Bangkok

Malaysia,
Thailand turut
sepakat buka
semula sempadan
melalui skim VTL

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan Thailand akan mengadakan kajian kebolehlaksanaan pembinaan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Bangkok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dipersetujui rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha ketika pertemuan di Rumah Kerajaan di Bangkok, kelmarin.

Pada pertemuan itu, katanya, kedua-dua pemimpin turut berbincang mengenai pembinaan Jajaran Jalan Menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Sadao, di Thailand.

"Kami juga bersetuju untuk menyambung rundingan berkaitan pelaksanaan dua projek jambatan persahabatan merentasi Sungai Golok di Kelantan, iaitu Jambatan kedua Rantau Panjang-Sungai Golok dan Jambatan Baharu Pengkalan Kubor-Tak Bai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bangkok yang disiarkan secara langsung di RTM dan Facebook, semalam.



Ismail Sabri mengadakan pertemuan bersama Prayuth pada Majlis Sambutan Rasmi Lawatan Perdana Menteri di Rumah Kerajaan di Bangkok, kelmarin. (Foto bernama)

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara juga mahu membuka semula sempadan melalui skim Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) bagi Malaysia dan Test & Go bagi Thailand.

"Sebagai permulaan, kita boleh melaksanakan VTL-Udara di antara Kuala Lumpur dan Bangkok bagi pengembara yang lengkap vaksinasi," katanya sambil menambah Malaysia-Thailand sepakat untuk mengiktiraf sijil pelalian COVID-19 masing-masing, selain meneroka peluang kerjasama dalam kajian serta penyelidikan vaksin COVID-19 dan vaksin lain.

Katanya, langkah itu akan disusuli dengan pengiktirafan sijil vaksin digital dan integrasi dua

aplikasi MySejahtera Malaysia serta MorProm Thailand.

Beliau berkata, pengiktirafan itu penting untuk menyokong usaha pembukaan semula sempadan kedua-dua negara dan merancakkan kembali ekonomi kedua negara.

Perdana Menteri berkata, hubungan dagang di sempadan ketika ini menyumbang hampir 50 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia-Thailand iaitu sebanyak AS\$10.5 bilion (RM44.10 bilion).

"Thailand adalah rakan dagangan keenam terbesar Malaysia pada peringkat global dan kedua terbesar dalam kalangan negara ASEAN.

"Kita menyasarkan nilai perdagangan kepada AS\$30 bilion

(RM126 bilion) antara kedua-dua negara menjelang 2025, berbanding AS\$23.64 bilion (RM97.97 bilion) pada tahun lalu, peningkatan 23 peratus berbanding 2020," katanya.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), terutama melalui pelaksanaan Kesalinghubungan Projek Fizikal (PCP), dengan fokus pada tiga bidang tumpuan utama.

Tiga bidang itu, katanya, adalah pertanian dan industri asas tani; pelancongan serta produk dan perkhidmatan halal serta merealisasikan Wawasan IMT-GT 2036 yang bersepadu, inovatif, inklusif dan mampan.